


Jejak Langkah PERJUANGAN HAK ASASI di Malaysia 1991-2022



PADANG MERBOK

PADANG MERBOK

Semenjak pengenalan Akta Perhimpunan Aman 2012, ruang padang yang cukup hampir dengan Parlimen ini semakin popular di kalangan para demonstran untuk mengangkat pelbagai isu.

30/7/2011 & 31/7/2021 OCCUPY DATARAN / PROTES #LAWAN

Dataran Merdeka merupakan lokasi tumpuan kepada kebanyakan perhimpunan besar dan juga ruang awam milik rakyat. "Occupy Dataran" menjadi sebuah ruang terbuka di mana para peserta berkumpul pada setiap malam hari Sabtu bagi membincangkan pelbagai isu sosial, berkongsi idea dan mempelajari amalan demokrasi.

Perhimpunan #LAWAN pula adalah gerakan rakyat yang memprotes kegagalan pentadbiran Perdana Menteri Muhyiddin Yassin dalam menghadapi pandemik COVID-19 serta pengisytiharan darurat dalam negara. Muhyiddin akhirnya meletakkan jawatan pada 16 Ogos 2021 akibat tekanan daripada pelbagai pihak.

MASJID NEGARA

Lokasi yang strategik menuju ke Dataran Merdeka, Masjid Negara sering menjadi ruang berkumpul pelbagai protes di ibu negara. Sejak Reformasi sehingga beberapa himpunan Bersih, ia menjadi tumpuan khususnya bagi gerakan dan parti Islam.



MASJID NEGARA


PASAR SENI

Pasar Seni menjadi semakin popular sebagai ruang berhimpun gerakan pelajar dan anak muda. Khususnya ketika May Day, Himpunan Anti GST dan beberapa siri perhimpunan Bersih.

2011-2012 AKSI MEMPERTAHKAN JALAN PETALING

Proses pengambilan tanah untuk kerja-kerja penggalian terowong di beberapa lokasi turut melibatkan komuniti Jalan Petaling apabila Projek Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang dilancarkan. Jalan Petaling yang berusia lebih 100 tahun merupakan kawasan yang kaya dengan warisan budaya. Projek ini memberi kesan kepada 34 buah unit di Jalan Sultan dan 68 buah unit di Bukit Bintang. Ia mencetuskan bantahan kuat di kalangan aktivis seni dan sosial. Gerakan 'Jelajah Warisan' turut menghimpunkan aktivis kemasyarakatan pelbagai kaum di kampung warisan sekitar Kuala Lumpur, antaranya Kampung Banda Dalam dan Kampung Railway untuk bersuara menolak pembangunan pesat.

KLSCAH berfungsi sebagai institusi utama masyarakat Cina dengan misi menyuarakan aspirasi masyarakat etnik Cina, menjaga kepentingan komuniti, mempromosikan keharmonian etnik, dan memajukan negara. Aktiviti-aktiviti KLSCAH meliputi bidang sosial-ekonomi, pendidikan, budaya, kebajikan, perhubungan komuniti, wanita, belia, hak asasi manusia, dan sebagainya. Sebagai tempat yang menyaksikan pelbagai mesyuarat bersejarah, forum politik, seminar, dan aktiviti lain, KLSCAH menjadi simbol kesedaran rakyat dan diiktiraf sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2007.



SOGO
KUALA LUMPUR

19/11/2016 PERHIMPUNAN BERSIH 5.0

BERSIH sekali lagi mengadakan perhimpunan bertemakan "Satukan Tenaga - Malaysia Baru" susulan skandal 1MDB. Lokasi perhimpunan dipindahkan ke hadapan Menara Berkembar Petronas (KLCC) ekoran tindakan polis menutup laluan ke Dataran Merdeka.

Bekas Perdana Menteri Mahathir Mohamad yang telah keluar daripada UMNO membawa perhimpunan ke kemuncak ketika beliau menyampaikan ucapannya berhampiran KLCC.

Perhimpunan ini dihadiri lebih 40,000 orang dan berakhir secara aman tanpa penggunaan gas pemedih mata atau meriam air.



SATUKAN TENAGA
TANGKAP M01

29-30/8/2015

PERHIMPUNAN BERSIH 4.0

BERSIH sekali lagi menggerakkan rakyat dengan mengadakan protes semalaman selama 34 jam menjelang sambutan Hari Kemerdekaan, dengan membawa tuntutan seperti "Mengadakan pilihan raya bersih", "Membangun kerajaan bersih", "Mempertahankan hak membantah" dan "Menggesa tindakan diambil bagi menyelamatkan ekonomi negara".

Berbeza dengan tiga perhimpunan BERSIH sebelum ini, pihak polis buat pertama kali tidak menggunakan gas pemedih mata dan meriam air untuk menyuraikan orang ramai. Lebih daripada 100,000 peserta hadir pada perhimpunan tersebut yang berakhir secara aman. Perubahan suasana politik ini mendorong masyarakat sivil untuk menilai semula mekanisme pengorganisasian BERSIH serta cara perhimpunan dianjurkan.

28/4/2012

PERHIMPUNAN BERSIH 3.0 / PERHIMPUNAN HIJAU-KUNING

Bagi mendesak kerajaan melaksanakan reformasi pilihan raya, BERSIH sekali lagi menganjurkan perhimpunan dengan melancarkan kempen "Tunaikan 8 Tuntutan, Barulah PRU-13".

Pada hari yang sama, "Himpunan Hijau" yang terdiri daripada pelbagai organisasi alam sekitar dari seluruh negara turut menjadi sebahagian daripada "ombak BERSIH" dan membentuk gabungan "Himpunan Hijau-Kuning."

Perhimpunan ini menarik kira-kira 250,000 peserta, menjadikannya salah satu protes terbesar dalam sejarah Malaysia. Malangnya, berlaku pertembungan di antara pihak polis dan orang awam. Kekecohan turut berlaku di hadapan SOGO, salah sebuah lokasi tumpuan protes yang popular di ibu kota, menyaksikan orang ramai mengepung kereta polis, ada wartawan dikasari, serta beberapa anggota polis cedera dan orang awam yang dihantar ke hospital. Kementerian Dalam Negeri mengesahkan bahawa pihak polis telah melepaskan 967 gas pemedih mata untuk menyuraikan orang ramai.

9/7/2011

PERHIMPUNAN BERSIH 2.0

Perhimpunan Bersih 2.0 bagi menuntut pilihan raya yang bebas dan adil menarik penglibatan sekitar 50,000 peserta. Ia merupakan salah satu perhimpunan besar-besaran pertama dalam sejarah negara. Dua minggu sebelum perhimpunan, enam aktivis sosial ditahan di bawah Ordinan Darurat (EO). Pihak polis melepaskan gas pemedih mata dan meriam air untuk menyuraikan orang ramai. Perhimpunan ini berakhir dengan satu kematian dan beberapa peserta cedera.

2013-2017

PERTAHANAKAN TAMAN MERDEKA NEGARA

Taman Merdeka Negara (Taman Tunku) dibina pada tahun 1958, bersama dengan Stadium Chin Woo (1953), Stadium Merdeka (1957), dan Stadium Negara (1962) merupakan ruang awam milik rakyat di mana ia merakam sejarah kemerdekaan negara yang penuh makna.

Perdana Menteri Najib Razak mengumumkan projek "Warisan Merdeka" bernilai RM5 billion pada tahun 2011. Projek ini dijalankan dalam tiga fasa. Menara Merdeka 118, sebelumnya dikenali sebagai Warisan Merdeka setinggi 118 tingkat dibina di tapak Taman Merdeka pada fasa pertama.

Bangunan ini merupakan gabungan ruang pejabat, pusat beli-belah, hotel, dan gerai peruncitan. Ia dimiliki oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Justeru, Jawatankuasa Pertahanan Taman Merdeka Negara (PTMN) melancarkan gerakan protes bertujuan meningkatkan penglibatan orang ramai dalam hal ehwal awam.

1923-Kini DEWAN PERHIMPUNAN CHINA KUALA LUMPUR DAN SELANGOR (KLSCAH)



KLSCAH



DAPUR JALANAN
KUALA LUMPUR



YAN KENG
BENEVOLENT DRAMATIC
ASSOCIATION



PNB 118



STADIUM MERDEKA



TAMAN MERDEKA



PASAR SENI



MASJID JAMEK
SULTAN ABDUL SAMAD



BANGUNAN SULTAN
ABDUL SAMAD



DATARAN
MERDEKA



MAYBANK
(CAWANGAN UTAMA KL)



PASAR SENI



MASJID JAMEK
SULTAN ABDUL SAMAD



BANGUNAN SULTAN
ABDUL SAMAD



DATARAN
MERDEKA



MAYBANK
(CAWANGAN UTAMA KL)



Jejak Langkah PERJUANGAN HAK ASASI di Malaysia 1991-2022

Malaysia telah mengalami pembangunan yang pesat sejak tahun 1990-an. Tenaga kerja dari kawasan luar bandar berpusu-pusu ke bandar demi mengejar masa depan yang lebih cerah. Namun, sentiasa wujud kegelapan di sebalik cahaya.

Pembangunan ini turut membawa cabaran seperti jurang kekayaan yang semakin ketara dan oleh kerana wujudnya dominasi politik satu parti sejak sekian lama, ia menyebabkan kemunduran demokrasi dan pembangunan ekonomi yang tidak seimbang.

Oleh itu, rakyat bangkit melawan. Ada yang terdiri daripada golongan miskin yang menentang perampasan kaum kapitalis, dan ada pula kelompok aktivis hak asasi manusia yang bekerjasama dengan golongan elit politik bagi mendorong perubahan ke arah demokrasi. Pada satu ketika, pentadbiran autoritarian mula dicabar, dan gerakan perjuangan rakyat berkembang pesat.

Dua bentuk perjuangan ini mengambil pendekatan yang berbeza: gerakan sosial yang menggunakan protes jalanan sebagai medan pertempuran; dan satu lagi lewat gerakan politik yang menggunakan pilihan raya dan parlimen sebagai medan perlawanan. Walaupun berbeza tujuan, kedua-duanya bersatu melawan penindasan pemerintahan autoritarianisme dan menjadi asas kepada perjuangan rakyat berasaskan hak asasi manusia.

Peta gerakan sosial ini yang berjudul "Jejak Langkah Perjuangan Hak Asasi di Malaysia" menyenaraikan garis masa gerakan sosial dari tahun 1991 hingga 2022. Bermula dengan titik perhimpunan di sekitar Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, peta ini menandakan peristiwa-peristiwa perjuangan penting seperti Tolak Menara Merdeka 118, kontroversi MRT Jalan Sultan, perhimpunan BERSIH, Occupy Dataran, perhimpunan #LAWAN dan sebagainya.

Kini, pentadbiran authoritarianisme telah pun runtuh, tetapi demokrasi masih belum stabil dan dalam keadaan huru-hara. Selepas perjuangan yang panjang, gerakan sosial dan politik akhirnya mungkin bertukar arah. Namun, turun ke jalan bukanlah hanya alat untuk reformasi tetapi juga simbol kekuatan rakyat dalam mencipta perubahan sosial.

Merenung kembali sejarah memberi kita pengajaran untuk memahami masa kini. Berjalanlah dengan yakin di atas jalan yang telah dilalui oleh mereka yang terdahulu, dan teruskan perjalanan ke arah demokrasi dan hak asasi manusia! ✊



<https://klscach.org.my/走动社区工作坊>

PENERBIT
Civil Rights Committee of The Kuala Lumpur and
Selangor Chinese Assembly Hall (CRC-KLSCAH)

RAKAN KONGSI
Lostgens' Contemporary Art Space

PENGANJUR BERSAMA
University Malaya Association of
New Youth (UMANY),
Rahman Solidarity League,
Student Progressive Front UUM,
Gerakan Mahasiswa Maju UPM (GMM),
ReFORMasi Mahasiswa UTM

SKRIP DAN PENGUMPULAN DATA
Oung Kang Wei, Leong Lih Sy,
Zikri Rahman (Pusat Sejarah Rakyat),
Projek DEMO: Sejarah Lisan Protes di
Malaysia, 2007 - 2022

REKA LETAK & REKA BENTUK GRAFIK
CC Kua

ILUSTRASI & LUKISAN
Belut

1990-an

1991

Perdana Menteri Mahathir memperkenalkan Wawasan 2020.

1992

Pusat Pembangunan Komuniti (Community Development Centre, CDC) ditubuhkan

1993

Pusat KOMAS, Jawatankuasa Sokongan Peneroka Bandar ditubuhkan

1994

Perhimpunan May Day, mengumpulkan pekerja ladang kaum India dan golongan peneroka bandar kaum Melayu untuk mengadakan perhimpunan

1996

Majalah dwibulanan "Mahasiswa" dilancarkan



1997

Krisis Kewangan Asia melanda ekonomi Malaysia

1998

Gerakan Reformasi, Parti Keadilan Nasional, Parti Sosialis Malaysia, DEMA ditubuhkan

1999

Pilihan Raya Umum ke-10, Malaysiakini ditubuhkan



2000-an

2000

Rancangan lima tahun Setinggalan Sifar, Gerakan Mempertahankan Kawasan Perkuburan Jalan Lapangan Terbang Lama, Sungai Besi, Terbitan pertama majalah bulanan 'Perspektif Pedas'

2001

Food Not Bombs KL ditubuhkan, Pengambilalihan Nanyang Press oleh MCA, Save Our School SJKC Damansara dilancarkan



2003

Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Perdana Menteri, ruang demokrasi terbuka dengan terhad

2005

Merdeka Review Online ditubuhkan

2006

Penduduk Bukit Koman di Raub, Pahang bantah penggunaan bahan kimia sianida (cyanide) dalam perlombongan.



2007

Perhimpunan Bersih 1.0, Perhimpunan Hindraf, Jawatankuasa Anti Kabel Voltan Tinggi Rawang, The Penang Forum ditubuhkan

2008

Pilihan Raya Umum ke-12, Pakatan Rakyat ditubuhkan

2009

Najib Razak dilantik sebagai Perdana Menteri, Kematian Teoh Beng Hock, Himpunan Anti-ISA, Himpunan Anti-PPSMI



2010-an

2010

Najib mengumumkan projek "Kuala Lumpur Raya", Radio Free Sarawak ditubuhkan, Himpunan Orang Asli di Putrajaya, Demo Menolak Penswastan Air Selangor

2011

Perhimpunan Bersih 2.0, Pergerakan Kuantan Anti-Lynas, Sarawak Save Rivers, LightUp Borneo ditubuhkan, Gabungan NGO Pengerang bantah loji penapisan, Occupy Dataran, Walk for Freedom

2012

Himpunan Hijau 2.0, Perhimpunan Bersih 3.0, Himpunan OKU Bangkit, Gerakan 'Jelajah Warisan', Kerajaan mewartakan Akta Perhimpunan Aman



2013

Pilihan Raya Umum ke-13, Pertahankan Kampung Hakka Negeri Sembilan, Himpunan Turun, Petaling Street Art Community digerakkan, Pertahankan Jalan Sultan, Tolak Menara Merdeka 118, Dapur Jalanan Kuala Lumpur ditubuhkan, Himpunan Kebangkitan Rakyat, Protes dan Sekatan Menolak Empangan Baram

2014

Persatuan Dayak Sarawak, Persatuan Teoh Beng Hock untuk Perkembangan Demokrasi ditubuhkan, Protes oleh Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma, Perhimpunan Anti-GST

2015

Gabungan Selamatkan Petani & Penternak Perak ditubuhkan, Ketua Menteri Adenan Satem membatalkan pembinaan Empangan Baram, Perpecahan antara parti Pakatan Rakyat, PAS memulakan kerjasama strategik dengan UMNO, Skandal 1MDB, Perhimpunan Kita Lawan, Perhimpunan Bersih 4.0



2016

Perhimpunan Bersih 5.0, Perhimpunan Tangkap MOI, The Silent Scream of TAPANG TREE ditubuhkan, Deklarasi Rakyat, Perarakan Anti-TPPA



2018

Pakatan Harapan menang Pilihan Raya Umum ke-14, Peralihan kuasa buat pertama kali di Malaysia, Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri untuk kali kedua, Perhimpunan Anti-ICERD, Himpunan Pandang Ke Sabah


2019

Himpunan Penang Tolak Tambak

2020-an

2020

Langkah Sheraton, Perpecahan Pakatan Harapan, Perikatan Nasional ditubuhkan, pelantikan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-8, Perintah Kawalan Pergerakan terhadap wabak Covid-19, Kempen & gerakan #HutanPergiMana menolak penyahwartaan Hutan Kuala Langat Utara



2021

Kerajaan isytiharkan Darurat, Perhimpunan #LAWAN, Mogok Code Black, Hartal Doktor Kontrak, #Bendera Putih, Ismail Sabri Yaakob dilantik sebagai Perdana Menteri



2022

"Perhimpunan Untuk Kebebasan Badan Kehakiman" anjuran Majlis Peguam, Bantahan Komuniti Orang Asli menolak pembinaan Empangan Nenggiri di Putrajaya, Pilihan Raya Umum ke-15, Pakatan Harapan dan Barisan Nasional membentuk kerajaan campuran, Anwar dilantik sebagai Perdana Menteri ke-10